



Kamarudin (tiga dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas ketika sidang media di Pusat Media IPK Johor, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Dadah RM287,000 dirampas

Sindiket edar bahan terlarang di pusat hiburan sekitar JB tumpas

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru: Polis melumpuhkan kegiatan pengedaran dadah dipercayai tertumpu kepada kelab malam dan pusat hiburan sekitar bandar raya ini, apabila merampas bahan terlarang itu dianggarkan bernilai lebih RM287,000, Jumaat lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarudin Md Din, berkata ia susulan penahanan dua lelaki berusia 30-an dalam serbuan di lokasi pangaspuri berasingan masing-masing di Johor Jaya dan

Taman Setia Indah.

Beliau berkata, rampasan itu membabitkan pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM287,960 meliputi ecstasy, ketamin, eramin 5, kokain dan ganja.

“Serbuan pertama pada jam 10 pagi di sebuah unit pangaspuri di Johor Jaya, membawa kepada penahanan seorang suspek berusia 31 tahun.

“Hasil pemeriksaan di premis itu menemukan pelbagai jenis dadah, iaitu ecstasy (5,570 biji), serbuk ecstasy (286.8 gram/g), ketamin (1.346g), erimin 5 (600 biji) dan 200 batang rokok ganja dianggarkan bernilai RM265,360.

“Polis turut merampas sebuah kereta jenis BMW, tiga cincin, wang tunai RM2,000 dan S\$200,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Kamarudin berkata, serbuan

kedua pula dilakukan di sebuah unit pangaspuri di Taman Setia Indah pada hari sama dan berjaya menemui dadah dianggarkan bernilai kira-kira RM22,600.

“Dalam serbuan pada jam 9 malam, polis turut menahan suspek berusia 35 tahun. Pemeriksaan kemudian mendapati suspek menyimpan sejumlah dadah berupa pil eramin 5 (250 biji) dan pil ecstasy (36 biji).

“Selain itu, polis menemui beberapa jenis dadah lain membabitkan serbuk ecstasy (65.17g), kokain (68.20g), ketamin (14.40g) dan ganja (59.09g),” katanya.

Beliau berkata, polis juga merampas sebuah kereta jenis Honda Accord, dua utas jam tangan dan wang tunai bernilai RM3,000.

Katanya, kedua-dua suspek ditahan itu tidak berkait tetapi menggunakan modus operandi yang sama.

“Berdasarkan siasatan awal, polis percaya bahawa semua dadah dirampas untuk pasaran tempatan yang lebih tertumpu kepada kelab malam dan pusat hiburan.

“Kita juga maklum kebanyakannya dadah ini memang digunakan untuk berpesta, justeru mereka boleh berhibur dengan lebih lama. Polis percaya kedua-dua suspek sudah bergerak aktif sejak tiga bulan lalu,” katanya.

Kamarudin berkata, semakan jenayah lampau bagaimanapun mendapati kedua-dua suspek tiada sebarang rekod.

“Namun, seorang daripada suspek itu yang berusia 35 tahun didapati positif dadah jenis Amphetamine,” katanya.

Beliau berkata, kedua-dua suspek direman hingga 8 Januari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.